

19 FEB 1997

PULAU-PULAU DI PERSEKITARAN TIOMAN TIDAK AKAN DIUSIK, KATA KHALIL

KUANTAN, 19 Feb (Bernama) -- Beberapa pulau kecil di persekitaran Pulau Tioman tidak akan diusik meskipun kerajaan Pahang akan melaksanakan projek-projek pembangunan di Tioman, kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Semasa ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, beliau berkata pulau-pulau kecil seperti Pulau Tulai, Pulau Sembilang, Pulau Seri Buat dan Pulau Berhala akan dibiarkan dalam keadaan asal tanpa sebarang pembangunan.

Katanya, mesyuarat berkenaan juga bersetuju agar pembangunan di Pulau Tioman diperbanyakkan bagi menarik lebih banyak pelancong ke pulau peranginan antara yang tercantik di dunia itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengarahkan supaya sebuah "bandar dalam pulau" diwujudkan di Pulau Tioman dengan pembinaannya diselaraskan dengan keharmonian persekitaran pulau itu sendiri.

Bandar itu yang mengambil contoh bandar seumpamanya di Itali dan Greece akan dilengkapi sebuah marina, kedai kraftangan dan sebuah "kedai kopi" yang membolehkan pelancong menikmati keindahan pulau sambil menghirup minuman ringan.

Sementara itu, Khalil berkata majlis mengangkat sumpah dua Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang baru akan diadakan di Istana Abu Bakar, Pekan pada 25 Feb ini.

Bagaimanapun, beliau enggan menjelaskan butiran lanjut mengenai calon-calon terpilih dan sama ada terdapat perubahan pada portfolio anggota Exco sedia ada.

--BERNAMA

ROS OBA